



KENYATAAN MEDIA
MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

**PEMERIKSAAN KE ATAS KONTENA YANG DISYAKI MENGANDUNGI SISA
PLASTIK DARI AMERIKA SYARIKAT KE MALAYSIA**


1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan pemeriksaan ke atas dua buah kontena yang disyaki mengandungi sisa plastik dari Amerika Syarikat yang tiba di Pelabuhan Klang pada 27 Mac 2021. Pemeriksaan ini turut mendapat kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) dan Westport Malaysia Sdn. Bhd.
2. Hasil pemeriksaan mendapati sisa plastik di dalam kontena-kontena tersebut merupakan barang dagangan HS3915 iaitu sisa plastik jenis *Polyethylene*. Pihak JPSPN telah mengesahkan bahawa sisa plastik tersebut adalah bersih, *homogenous* dan memenuhi kriteria seperti mana yang telah disyaratkan di dalam lesen import sisa plastik (*Approved Permit, AP*) kepada pengimport.
3. Selaku *Competent Authority* kepada *Basel Convention*, JAS mengesahkan bahawa sisa plastik tersebut adalah mematuhi kriteria B3011 *Basel Convention*. Pengimportan sisa plastik B3011 ini tidak memerlukan prosedur *Prior Inform Consent (PIC)* dan notifikasi daripada negara pengeksporth. Semakan JAS ke atas premis pengimport juga mendapati premis adalah mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan menjalankan aktiviti kitar semula sisa plastik secara *Environmental Sound Manner (ESM)*.
4. Kerajaan amat menghargai sebarang maklumat awal yang disalurkan oleh mana-mana pihak dalam mendepani cabaran siasatan dan penguatkuasaan pergerakan sisa plastik merentas sempadan ke negara Malaysia. Saya ingin menegaskan bahawa sebarang cubaan untuk mengimport sebarang sisa ke Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 43, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 akan berdepan dengan tindakan tegas jika mereka gagal mematuhi perundangan dan prosedur pengimportan yang telah ditetapkan oleh Malaysia.

-Tamat-

YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man
Menteri Alam Sekitar Dan Air
30 Mac 2021



Kontena-kontena yang tiba dari Amerika Syarikat



Pekerja pelabuhan membuka salah satu kontena yang disyaki mengandungi sisa plastik



Kontena berisi sisa plastik HS3915 iaitu sisa plastik jenis Polyethylene



Pegawai JAS dan SWCorp sedang memeriksa isi kandungan kontena